

24/10/1999

Ghafar bidas pemimpin Pas

Manzaidi Mohd Amin

TUMPAT: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, membidas tiga pemimpin tertinggi Pas kerana tidak mempunyai pendirian tetap dalam mempertahankan ajaran Islam sebenar apabila sanggup mengeluarkan fatwa sendiri walaupun jelas bercanggah dengan Islam.

Beliau berkata, pemimpin terbabit masing-masing membuat fatwa tanpa merujuk kepada Majlis Tertinggi parti dan badan tertentu untuk mengesahkan sama ada ia fatwa atau sebaliknya.

Katanya, apabila timbul sesuatu isu atau masalah, ketiga-tiga pemimpin itu berlumba-lumba mengeluarkan fatwa sesuka hati demi kepentingan parti dan untuk mencapai kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

"Apabila seorang keluarkan fatwa yang lain pun ikut pula. Salah pun ikut juga. Contohnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat (Murysidul Am Pas) kata mencarut itu boleh, yang lain pun ikut kata boleh. Nik Aziz kata dengan syaitan boleh berkawan yang lain kata boleh.

"Apabila tanya Datuk Fadzil Noor (Presiden Pas) dulu, dia tak boleh kata begitu, dia ada jawapan lain. Tapi apabila Nik Aziz keluar (fatwa) dulu maka dia pun mengiyakan. Jadi dia nak menyelamatkan parti dia. Salah pun dia tak peduli.

"Saya kira sudah sampai masanya kerajaan memikirkan untuk merujuk penyelewengan ini kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Raja-Raja bagi menyelamatkan Islam," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan Penyelia Pembangunan Mukim (PPM) dan Penggerak Masyarakat Umno Parlimen Pasir Mas, di kediaman Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali, di Taman Mimi, Wakaf Bharu, dekat sini semalam.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta segelintir guru yang menyokong pembangkang supaya menghentikan tindakan mereka memfitnah kerajaan, Ghafar yang juga Pengerusi Kelab Veteran Umno, berkata:

"Saya nak nasihatkan guru ini kalau tak puas hati dengan dasar kerajaan dan pelajaran, ikut langkah saya... berhenti.

"Saya dulu guru, saya tak bersetuju dengan dasar kerajaan British, saya berhenti. Saya lawan orang putih. Dalam Parlimen saya dapat peluang bersuara mengeluarkan dasar pelajaran bercorak Kebangsaan.

"Dasar inilah yang meningkatkan pelajaran di Malaysia boleh disamakan dengan negara maju.

"Hari ini lain, semua budak dapat masuk sekolah menengah secara percuma. Universiti dah banyak... buku kita baca ada mutu. Guru diberi latihan lebih dari dulu, gaji pun lebih besar lebih selesa kalau bandingkan dengan saya dulu," katanya.

Sehubungan itu, kata beliau, mana-mana guru tidak bersetuju dengan kerajaan lebih baik berhenti masuk politik bertanding dalam pilihan raya dan dalam Parlimen nanti mereka boleh buat dasar.

(END)